

**TEKS UCAPAN**  
**BRIG. JEN. PROF. DATUK SERI PANGLIMA**  
**DR. KAMARUZAMAN HJ. AMPON**  
**NAIB CANSELOR UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**  
**SEMPENA MAJLIS MAKAN MALAM**  
**SEIRINGAN BERSAMA MASYARAKAT 1UMS**  
**HOTEL PERKASA**  
**08 MEI 2010**

Bismillahir Rahmannir Rahim

Assalamualaikum Warahmatulahi Wabarakatuh, salam sejahtera dan salam 1Malaysia.

Y.Berhormat Datuk Hj. Sairin Hj. Karno

Pembantu Menteri Pembangunan Luar Bandar Negeri Sabah

Merangkap Wakil Rakyat N34 Liawan Keningau

Y.Berusaha Encik Azman Haji Ruslan

Ketua Pemuda UMNO Bahagian Keningau

Y.Berusaha Tuan Haji Kaipin Hj Rosmin

Pengerusi Gerak Daya Wawasan (GDW), Kg. Bayangan, Keningau

Y.Berusaha Mejar (K) Abdullah Hj. Mohd Said

Pendaftar Universiti Malaysia Sabah

Pegawai-pegawai Utama Universiti Malaysia Sabah

Dekan-Dekan dan Ketua-ketua jabatan UMS

Tuan-tuan dan puan-puan, para hadirin sekalian

Terlebih dahulu marilah kita sama-sama memanjatkan rasa penuh kesyukuran kepada Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnia dan inayahnya, dapat kita sama-sama berkumpul pada malam ini bagi memeriahkan majlis makan malam sempena Program Seiring Bersama Masyarakat 1UMS yang akan diadakan di Gerakan Desa Wawasan (GDW) Kampung Bayangan esok. Saya bagi pihak UMS sesungguhnya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada seluruh penduduk Kampung Bayangan kerana sudi menerima kehadiran rombongan UMS. Lebih-lebih lagi kepada Yang Berhormat Datuk Hj. Sairin kerana sentiasa memberi sokongan terhadap pihak universiti khususnya dalam program seiring bersama masyarakat ini.

Syabas dan tahniah juga diucapkan kepada Mejar (K) Abdullah Hj. Mohd Said selaku Pendaftar UMS atas komitmen beliau bersama kakitangannya di Jabatan Pendaftar untuk mengelolakan majlis makan malam ini yang simboliknya mencerminkan kesepaduan warga UMS dan tingginya hubungan keakraban dengan masyarakat di daerah Keningau ini.

Yang Berhormat Datuk dan para hadirin sekalian,

UMS sememangnya sentiasa prihatin terhadap pembangunan pendidikan di seluruh Sabah khususnya di kawasan luar bandar.

Ini bagi mengelakkan berlakunya sebarang keciciran ilmu di kalangan anak desa kita yang masi belum jelas mengenai segala peluang yang sudah tersedia untuk mereka ceburi.

Sehubungan itu, pelbagai program dan aktiviti kemasyarakatan akan diadakan melibatkan penduduk di luar bandar di sekitar Sabah setiap tahun. Selain program seperti yang dianjurkan esok di Kg. Bayangan, kita juga mempunyai pelbagai program lain yang serupa dari segi tujuan dan matlamatnya.

Misalnya, Program Selangkah Ke Menara Gading yang dikelola oleh Jabatan Hal Ehwal Pelajar (UMS) sentiasa diadakan setiap tahun bagi memberi informasi dan pendedahan mengenai peluang-peluang untuk memasuki UMS kepada pelajar-pelajar yang masih berada di alam sekolah menengah dan rendah. Pada awal tahun ini kita telah membuat *roadshow* ke beberapa daerah pedalaman sekitar Sabah secara berperingkat-peringkat bagi tujuan tersebut, dan sememangnya sambutan yang kita terima adalah amat memberangsangkan.

Saya percaya pada program Seiringan Bersama Masyarakat 1UMS yang akan dirasmikan oleh Yang Berhormat Datuk Hj. Sairin ini juga, pastinya akan mampu memberi impak yang besar terhadap perkembangan pendidikan di Daerah Keningau. Malah penganjurannya juga dalam masa yang sama mencerminkan betapa utuhnya perpaduan erat di kalangan masyarakat berbilang kaum sekaligus menyahut saranan konsep 1Malaysia yang diperkenalkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Dato' Seri Mohd Najib.



Tuan-tuan dan puan-puan,

Sebelum saya mengakhiri ucapan ini, saya sekali ingin merakamkan setinggi-tinggi ucapan terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Hj Sairin atas kehadiran bersama dengan kita pada malam ini serta sambutan yang begitu hangat kepada seluruh warga UMS di daerah Keningau ini. Setinggi-tinggi syabas dan tahniah juga kepada seluruh jawatankuasa yang tidak mengenal jerih payah malah saya difahamkan ada yang terpaksa berulang alik dari ke Kota Kinabalu bagi memastikan kelancaran majlis kita ini. Kepada para hadirin sekalian, selamat menikmati sajian makan malam.

Sekian. Terima kasih.